

Digital SRP bantu pembeli rumah

Cagamas SRP Bhd menjangkakan pinjaman yang diluluskan di bawah Skim Rumah Pertamaku (SRP) mencapai RM12.6 bilion menjelang 2021 menerusi pelancaran Digital Skim Rumah Pertamaku (Digital SRP).

Pengerusi Cagamas SRP, Datuk Bakarudin Ishak, berkata Digital SRP adalah platform bersepadu digital yang membolehkan rakyat Malaysia membeli dan memohon pembiayaan secara dalam talian untuk rumah pertama.

Beliau berkata, Cagamas SRP bekerjasama dengan dua portal teknologi harta tanah, Didian dan MHub untuk melancarkan platform bersepadu digital itu yang

menghubungkan pembeli rumah, bank, pemaju dan ejen hartanah.

Katanya, Digital SRP menyediakan akses baharu bagi pembeli rumah kepada pemilihan meluas lebih daripada 130,000 harta tanah, yang mana lebih 50 peratus layak di bawah SRP, disamping bantuan daripada kira-kira 2,000 ejen merentasi lebih 300 agensi di seluruh negara.

“Kami berharap Digital SRP akan merangsang peningkatan lebih 50 peratus dalam pinjaman SRP terkumpul kepada RM12.6 bilion menjelang 2021.

“Cagamas SRP menjangkakan peningkatan pinjaman SRP terkumpul diluluskan sebanyak

14,400 pada 2020 berbanding atas terkumpul 26,213 pada 2019, dengan jumlah pembiayaan RM9 bilion,” katanya pada pelancaran Digital SRP di Kuala Lumpur, semalam.

Setakat Jun lalu, SRP yang dilancarkan sejak 2011 sudah memanfaatkan kira-kira 33,000 pembeli rumah pertama, yang mana 90 peratus adalah daripada kumpulan berpendapatan rendah.

Kira-kira 71 peratus daripada permohonan diluluskan adalah dari Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Perak dan Melaka.

Saiz purata pinjaman adalah RM206,450 dengan 86 peratus permohon yang diluluskan berusia 25 hingga 40 tahun.